

## Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan

AZMI ARIFIN, MUHAMAD LUTHFI ABDUL RAHMAN &  
TARMIJI MASRON

### *ABSTRAK*

*Kajian ini meneliti tentang sejarah dan perkembangan kegiatan membuat tembikar labu sayong di Kuala Kangsar, Perak. Kegiatan membuat tembikar di Perak telah bermula sejak zaman pra-sejarah lagi dan dianggap sebagai warisan sejarah orang Melayu yang terus bertahan sehingga sekarang. Namun pada hari ini ia telah mula disaingi oleh kemunculan pembuatan tembikar menggunakan teknik dan peralatan moden. Perkembangan dan perubahan ini telah menyebabkan aktiviti membuat tembikar secara tradisional dengan menggunakan tangan mulai terhakis. Melalui perspektif sejarah dan antropologi, kajian ini cuba menunjukkan bagaimana proses perubahan dan modernisasi pembuatan tembikar di Perak telah memberi kesan yang amat besar dan mempengaruhi kepada kemerosotan industri tradisional itu. Kajian ini mendapati bahawa sehingga sekarang, kegiatan pembuatan tembikar labu sayong secara tradisional di Kuala Kangsar, Perak benar-benar telah terancam dan kini hanya tinggal sebuah keluarga sahaja yang masih mengusahakannya. Kajian ini jelas menunjukkan perlunya dasar-dasar yang lebih seimbang diambil untuk memastikan bahawa proses pemodenan tidak akan sama sekali mengancam warisan orang Melayu yang telah wujud ada sejak zaman berzaman itu. Kajian ini juga menyarankan perlunya suatu usaha yang proaktif dan drastik diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa warisan orang Melayu ini akan terus hidup dan berkembang pada masa depan.*

*Kata kunci:* Warisan, prasejarah, seramik, tembikar, labu sayong, Kuala Kangsar, Perak

### *ABSTRACT*

*This study examines the history and development of pottery making of 'Labu Sayong' in Kuala Kangsar, Perak. Pottery making activities in Perak have started in the pre-historic period and have been considered as the Malay heritage that continues to survive until now. But today it has been challenged by the emergence of pottery making using modern techniques and equipment. This development and changes have caused a major decline in the traditional*

*pottery making activities using hand. From historical and anthropological perspective, this article attempts to show how far the process of change and modernisation of pottery making in Perak has brought a negative impact and influencing the decline of such traditional activities. Based on field studies conducted in Kuala Kangsar, Perak, it is found that up to now, the activities of traditional pottery making of ‘Labu Sayong’ in Perak has really been threatened and now there is only one family left still working on it. In conclusion, this study clearly shows the need for a more balanced policy that should be taken to ensure that modernisation will not threaten the Malay heritage which has existed since ancient times. This study also suggests a more proactive and drastic effort should be taken by the government to ensure that the heritage of the Malays will continue to survive in the future.*

*Key words:* *Heritage, pre-history, ceramic, pottery, labu sayong, Kuala Kangsar, Perak*

## PENGENALAN

Tulisan ini mengkaji tentang sejarah dan perkembangan kegiatan membuat tembikar di daerah Kuala Kangsar, Perak. Kegiatan membuat tembikar di Kuala Kangsar khususnya di Sayong dianggap antara warisan kesenian<sup>1</sup> kraftangan tradisional negara yang terpenting dan hasil tembikarnya, iaitu ‘labu sayong’, dianggap antara yang berkualiti dan diminati ramai. Walau bagaimanapun, pada hari ini seakan-akan wujud suatu konflik atau dilema dalam usaha-usaha yang sedang giat dijalankan untuk mengekal dan memajukan kegiatan kraftangan tradisional masyarakat Melayu itu. Antara dilemanya ialah wujudnya suatu pertentangan antara hasrat untuk terus mengekalkan warisan asal iaitu penghasilan tembikar secara tradisional atau memenuhi keperluan semasa dengan memperkenalkan kaedah dan teknik moden bagi memperolehi hasil yang lebih banyak dan menguntungkan.

Dasar kerajaan terhadap usaha memelihara dan mengembangkan kegiatan kraftangan di Malaysia, termasuklah Perak pada hari ini adalah amat jelas. Pihak kerajaan, melalui beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (Kekkwa), telah menunjukkan minat yang begitu mendalam untuk terus mengekalkan serta memajukan lagi industri kraftangan di Malaysia, termasuklah kraftangan tembikar, sebagai warisan tradisional Melayu agar tidak luput ditelan zaman. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Malaysia pada suatu masa pernah menegaskan bahawa seni kraftangan pembuatan tembikar merupakan pemangkin utama kepada pembangunan industri seramik di seluruh Malaysia (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005).

Oleh itu, pelbagai galakan telah diberikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan seni kraftangan warisan bangsa itu terus kekal terpelihara dan diterima bukan sahaja oleh masyarakat tempatan tetapi juga peminat seni kraftangan dari luar negara. Dalam usahanya itu, kerajaan melalui agensi-agensinya, khususnya Pusat Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), bukan sahaja telah memberikan pelbagai bantuan dalam bentuk kewangan, latihan, promosi dan pemasaran, bahkan juga turut terlibat secara aktif dalam usaha-usaha memperkenalkan teknik baru menggunakan acuan dan peralatan moden yang lebih efisien, produktif dan menguntungkan.

Sebenarnya jika diukur dari segi penghasilan produk tembikar di Perak sehingga ke hari ini, bolehlah dikatakan perusahaan membuat tembikar tradisional iaitu tembikar labu sayong terus berkembang dan mendapat tempat yang agak baik dalam kalangan masyarakat. Ditambah lagi dengan adanya pelbagai kemudahan dan pengenalan teknik pembuatan secara moden, para pengusaha kini bukan sahaja dapat menghasilkan lebih banyak produk tembikar bagi memenuhi permintaan pasaran, bahkan juga dapat mempertingkatkan lagi keuntungan melalui penurunan kos, pengurangan tenaga kerja dan penciptaan pelbagai jenis, bentuk serta corak tembikar yang lebih menarik dan pelbagai fungsi yang laris dijual di pasaran.

Namun demikian, proses ‘pemodenan’ perusahaan membuat tembikar labu sayong itu juga telah mencipta suatu krisis atau permasalahan yang lain. Pembuatan tembikar secara moden pada hari ini telah berlaku dengan begitu pesat sekali dan tanpa diduga, ia telah pun mencipta suatu bentuk persaingan dan ancaman terhadap perusahaan secara tradisional yang dilakukan dengan menggunakan tangan. Sebenarnya proses membuat tembikar secara tradisional menggunakan teknik ‘picit’ dan ‘cubit’ telah pun wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu dan masih dikekalkan serta dipertahankan hingga ke hari ini dalam bentuknya yang kuno dan asli. Namun perkembangan mutakhir menyaksikan ia mula menghadapi masalah yang cukup serius untuk terus kekal bertahan dalam suasana perubahan yang sedang pesat berlaku.

Masalah utama yang sedang dihadapi oleh para pengusaha membuat tembikar secara tradisional ialah untuk bersaing ‘sama tinggi dan sama gagah’ dengan perusahaan membuat tembikar yang menggunakan teknik dan peralatan moden. Ini kerana perusahaan secara tradisional telah

dianggap sukar dimajukan dan oleh itu kurang mendapat perhatian. Walaupun diakui teknik pembuatan secara tradisional menggunakan tangan dilihat kurang menguntungkan dan sukar untuk dimajukan, namun ia adalah satu warisan sejarah, kesenian dan ketamadunan orang Melayu yang teramat penting, tidak ternilaikan dan pada masa kini sedang mengalami saat-saat kepupusannya. Dalam suasana tekanan dan persaingan untuk mencari keuntungan, masyarakat kita bakal menyaksikan kemungkinan hilang atau terhapusnya satu lagi warisan sejarah, kesenian, identiti dan lambang ketamadunan budaya-bangsa peribumi Melayu yang telah wujud sejak zaman prasejarah dan telah diwarisi sejak permulaan ketamadunan orang Melayu lagi.

### KAJIAN SEJARAH TEMBIKAR DI MALAYSIA

Kajian mengenai tembikar diakui amat penting dan berguna untuk ahli sejarah, arkeologi dan antropologi untuk memahami dan merekonstruksi sejarah, budaya, kesenian masa silam dan juga menggunakan sebagai bacaan terhadap sejarah tahap-tahap kemajuan dan ketamadunan sesuatu bangsa (Chia Ming Soon 1995). Menurut para pengkaji arkeologi, umumnya kajian terhadap seramik tembikar dapat memberikan banyak pengetahuan yang amat berguna berkaitan dengan kronologi atau pentarikhan, sistem teknologi dan sistem sosial masyarakat awal (Asyaari Muhamad 1998).

Kepentingan ini adalah amat jelas kerana sejarah ketamadunan manusia selalunya bermula dengan penciptaan alat-alatan asas yang diperbuat daripada tulang temulang mahupun tanah liat. Menurut seorang pengkaji, “...penghasilan seramik merupakan salah satu aktiviti tertua dalam sejarah kehidupan manusia” (Ahmad Fauzi 2009: 1). “*Pottery...*”, tegas seorang lagi pengkaji, “...is one of the earliest handicrafts which were created by the human civilization.” (Shamsu Mohamed 2005: 77). Di Malaysia, penciptaan tembikar menjadi suatu lambang kepada permulaan wujudnya sejarah sebuah bangsa bertamadun yang empunya dan diberikan nama Tanah Melayu.

Sehingga kini, apabila ahli arkeologi cuba memahami dan menerangkan tentang sejarah kemunculan ketamadunan manusia di sesuatu tempat, lazimnya mereka akan memulakannya dengan mengkaji peralatan seramik yang dihasilkan pada zaman lampau. Dalam hal ini, meskipun beberapa kajian telah dibuat untuk mengenalpasti sejak bila orang Melayu awal mula mencipta tembikar, namun kesukaran sering

timbul kerana sejarah penciptaan tembikar yang begitu awal menyebabkan kebanyakan tamadun umumnya tidak mempunyai catatan atau rekod yang sempurna tentang sejarah asal-usul terciptanya alat-alatan itu di tempat mereka.

Bagaimanapun, berdasarkan beberapa kajian yang dikemukakan oleh ahli arkeologi, sejarah kesenian tembikar di Malaysia dikatakan telahpun bermula sejak beribu-ribu tahun dahulu, iaitu sejak zaman prasejarah lagi (zaman neolitik).<sup>2</sup> Tembikar primitif Melayu telah mula dikaji sejak awal kurun ke-20 apabila ia ditemui di gua-gua di tempat-tempat ekskavasi di seluruh Malaysia. Ini telah terbukti dengan wujudnya penemuan barang tembikar atau serpihan tembikar zaman awal di tapak-tapak ekskavasi oleh ahli arkeologi seperti di Gua Cha, Kelantan; Bukit Tengku Lembu, Perlis; Ulu Tembeling, Pahang; Bukit Tambun, Perak; dan Gua Niah, Sarawak. (Siti Zainon 1989; Shamsu Mohamed 2005).<sup>3</sup>

Pada peringkat awal, penemuan-penemuan ini telah dipelopori oleh pengkaji-pengkaji luar. Antara beberapa sarjana luar yang pernah membuat kajian awal tentang sejarah tembikar khususnya di Perak ialah Evans (1918-31), Callenfels (1928), Sieveking (1955), dan Peacock (1959). Usaha mereka kemudiannya telah disambung pula oleh beberapa pengkaji tempatan seperti Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1990), Zuraina Majid (1990), dan beberapa pengkaji lain sekitar 1990-an. Sebuah tesis yang agak menarik tentang sejarah mahupun latar belakang saintifik tentang proses pembuatan tembikar di Perak telah dikemukakan oleh Asyaari Muhamad (1998). Kajian-kajian yang terkemudian ini jelas cuba memperbaiki pandangan awal seterusnya memperkuatkan rumusan bahawa tembikar tradisional yang ditemui adalah dihasilkan sendiri oleh masyarakat tempatan pada zaman prasejarah dan tidak ada unsur-unsur pengaruh luar yang jelas mempengaruhi penciptaannya sampailah sekarang (Siti Zainon 1986; Chia Ming Soon 1995; Asyaari Muhamad 1998).

Antara kajian yang paling menarik telah dihasilkan dengan mengkhususkan kepada kegiatan pembuatan tembikar di Perak ialah yang dilakukan oleh Leonard Wray, seorang kurator Muzium Perak pada tahun 1903. Kajian Wray tentang kemunculan dan perkembangan kegiatan membuat tembikar di Perak menjelaskan dua fakta yang sangat menarik.

Pertama, tembikar sebagai satu ciptaan orang Melayu zaman awal yang menunjukkan bahawa mereka sudah mula mencapai ketamadunan sejak awal lagi. Tembikar di Perak misalnya, mengikut Wray, sudah wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu tetapi bukanlah dicipta oleh orang Melayu asli (Sakai atau Semang), sebaliknya oleh orang Melayu yang lebih tinggi tamadunnya yang tinggal di sepanjang pesisiran Sg. Perak. Kajian Wray

menjelaskan bahawa teori-teori yang mengatakan orang Melayu adalah penghijrah dari luar Nusantara berkemungkinan tidak tepat kerana unsur-unsur dalam penciptaan tembikar, yang menjadi bukti utama kewujudan penempatan awal, menunjukkan sifat awalnya yang bercorak tempatan dari segi bahan binaan, rekabentuk dan ragam hiasnya.

Kedua, keunikan dan ketulenan seni kraftangan itu adalah satu bentuk kesenian dan peralatan yang dicipta dan dimiliki oleh orang Melayu sepenuhnya tanpa sebarang pengaruh luar, sekurang-kurangnya bagi zaman yang awal sebelum kurun ke-20. Walaupun umumnya pemikiran dan kesenian orang Melayu pada zaman awal, tegas Wray, sering sahaja dipengaruhi oleh unsur-unsur luar dan tamadun luar yang lebih tinggi, misalnya dari China atau India, namun dari segi sejarah pembuatan tembikar di Malaysia sejak zaman berzaman hingga ke hari ini tidaklah begitu dipengaruhi oleh unsur asing dan proses pembuatannya hingga kini, yakni dalam bentuk tradisionalnya, masih lagi kekal dalam bentuknya yang asli (Wray 1903; Chia Ming Soon 1995). Wray menjelaskan;

*The interesting attaching to Malayan pottery; as made in the state of Perak, arise from the great antiquity of the art, and from the certainty of its having come down to present time without influence from the more highly civilized nations, who have, from time to time, imparted arts and ideas to the Malayan inhabitants of the Peninsula* (Wray 1903: 24).

Menurut Wray lagi, antara bukti jelas yang menunjukkan bahawa tembikar tempatan tidak dipengaruhi misalnya oleh pengaruh tamadun China atau India adalah dengan melihat kepada penggunaan teknologi dalam pembuatan tembikar. Misalnya China yang telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi dalam industri pembuatan tembikar telah memperkenalkan penggunaan teknik roda pemutar (mesin lempar alin) sejak awal lagi.<sup>4</sup> Walaupun pengaruh China telah pun wujud dengan ketara di Tanah Melayu sejak kedatangan pedagang seramik China semasa Dinasti Tang pada Abad ke 7 Masihi lagi, teknik pembuatan dan corak tembikar di Perak sehingga kurun ke-20 tidak menunjukkan sebarang tanda yang ia dipengaruhi oleh tembikar dari tamadun luar itu. Ini kerana cara pembuatan tembikar tradisional orang Melayu pada peringkat itu umumnya masih lagi kekal dalam bentuknya yang agak primitif menggunakan tangan dan tanpa menggunakan roda (Shamsu Mohamed 2005).

Walaupun akhirnya pengaruh China dalam pembuatan tembikar melalui penggunaan roda mulai wujud secara beransur-ansur, namun ia

menunjukkan bahawa pada zaman awal kegiatan membuat tembikar adalah ciptaan sepenuhnya orang tempatan dan bukannya ditiru dari luar kerana jika tidak, sudah tentulah akan wujud penggunaan roda yang lebih awal. Apapun dari segi ketulenan pembuatan tembikar itu sendiri sama ada dari segi bentuk dan coraknya sehingga ke hari ini masih lagi kekal bersifat tempatan dan belum dipengaruhi oleh sebarang unsur asing.

Begitu juga dari segi reka bentuk dan ragam hias tembikar Perak sejak awal lagi hingga sekarang masih menggunakan corak dan hiasan tempatan berasaskan alam persekitaran semula jadi setempat. Antaranya ialah penggunaan unsur-unsur alam seperti pokok dan bunga yang berkemungkinan hanya terdapat di negara ini seperti bunga tanjung, bunga padi, bunga kedudut, bunga pecah empat, susur kelapa, bunga lawang, bunga cengkih, bunga cakar ayam, pucuk rebung, siku keluang dan bentuk s, x dan v.(Wray 1903; Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005).

Winstedt (1925), dalam tulisannya menjelaskan bahawa penciptaan tembikar oleh orang Melayu pada zaman awal adalah dalam bentuk yang begitu asas dengan ragam hias yang cukup sederhana. Beliau mencatatkan:

*Ornamentation was relatively unambitious; cord-marking is the most usual form or ornament. Simple incised patterns are found. The ware is generally dark in colour with sand and charcoal tempering and often a polished surface produced by burnishing with the application of soot.* (Winstedt dlm Siti Zainon 1986: 63).

Penemuan-penemuan ini, menurut para pengkaji, dapat menjelaskan bahawa kegiatan ‘perusahaan tembikar’ sudah wujud di Tanah Melayu sejak awal dan telah berkembang dengan terciptanya pelbagai bentuk dan ragam hias (Siti Zainon 1986).

Penggunaan unsur-unsur yang jelas bersifat tempatan ini dapat memperkuuhkan lagi hujahan bahawa seni kraftangan tembikar tradisional, khususnya labu sayong, adalah ciptaan hakiki orang Melayu dan mencerminkan suatu warisan budaya yang begitu bernilai kepada sejarah dan ketamadunan orang Melayu. Berasaskan pengekalan unsur-unsur tempatan itulah (Wray 1903: 24) menegaskan:

*“Malayan pottery may, therefore, be looked upon as a survival, amongst a fairly civilized people, of a phrase in the ceramic art far anterior to that to be found in other countries in a similar state of advancement, and, such, appears to be deserving of some study and attention.”*

## SEJARAH PEMBUATAN TEMBIKAR DI KUALA KANGSAR, PERAK

Kraftangan tembikar Malaysia yang cukup terkenal sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa ialah Labu Sayong dan Labu Pulau Tiga di Perak, manakala di negeri lain ialah Terenang (Pahang), Mambong (Kelantan), Nuan dan Kudin (Sarawak), Kecor (Perlis) serta Kuron dan Lapohan (Sabah). (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005).

Setiap satu hasilan tembikar kraftangan tradisional mengikut negeri itu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik, yang berkait rapat dengan adat resam dan kepercayaan tempatan, serta bahan mentah tanah liat yang digunakan dan cara penghasilan seni kraf itu. Walaupun tembikar diusahakan di beberapa tempat di negeri Melayu, tetapi berdasarkan kajian, Perak dikatakan merupakan satu-satunya negeri atau “...kawasan yang masih mempertahankan nilai pembentukan secara turun temurun, baik dari segi proses penciptaannya mahupun rekabentuk luarnya.” (Siti Zainon 1986). Bagaimanapun sejauhmana pandangan itu masih boleh dipegang dalam konteks perkembangan yang berlaku di Perak sekarang akan diperdebatkan nanti.

Dari segi sejarah, terdapat beberapa versi yang wujud tentang asal-usul tercipta dan berkembangnya kegiatan perusahaan labu sayong di Perak daripada satu hasilan yang bersifat untuk kegunaan sendiri menjadi hasil komersil. Mengikut versi sejarah tempatan, asal-usul penciptaan labu sayong bermula daripada penggunaan buah labu sebagai alat untuk mengisi air. Pada zaman dahulu, masyarakat Sayong di Perak menggunakan labu tua yang dikeringkan dan dibentuk menjadi satu bekas berbentuk labu yang boleh diisi air untuk kegunaan menyimpan air dan minuman. Apabila masa berlalu dan masyarakat sudah berupaya untuk menghasilkan peralatan rumah menggunakan tanah, maka labu mula beransur-ansur digantikan dengan sejenis tembikar yang sama bentuk dan fungsinya dengan labu dan dikenali sebagai labu sayong.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Zainon (1986) terhadap sejarah asal-usul labu sayong memperlihatkan bahawa tukang-tukang membuat tembikar menggunakan cara lama yang telah dipusakai oleh mereka daripada ibu, nenek atau moyang yang kononnya telah berumur lebih seratus tahun. Berasaskan maklumat temubual yang diberikan oleh Puan Hasnah Adnan, salah seorang pengusaha tembikar labu sayong di Kampung Kepala Bendang bersama dua orang saudara perempuannya, mereka didakwa mewarisi kepandaian membuat tembikar daripada nenek

mereka iaitu Nila Hitam. Siti Zainon mencatatkan bahawa beberapa rekabentuk tembikar labu sayong ciptaan Nila Hitam memang wujud dan ada disimpan di Muzium Taiping, Perak. Nila Hitam dikatakan telah meninggal dunia pada tahun 1903.

Maklumat lain pula diberikan oleh seorang lagi pengusaha tembikar labu sayong di Kampung Kepala Bendang iaitu Encik Othman Satar. Encik Othman menjelaskan satu lagi versi sejarah labu sayong iaitu kegiatan membuat labu sayong telah dimulakan oleh datuknya, ‘Tuk Kaluk’ yang dikatakan telah datang dari daerah Minangkabau, Sumatera. Menurut Encik Othman, Tuk Kaluk mula memperkenalkan penciptaan tembikar daripada tanah liat pada kira-kira tahun 1810 iaitu semasa Perak di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain. (Sebenarnya pemerintah Perak pada masa itu ialah Sultan Abdul Malik Mansur Syah (1806-1825).

Menurut cerita ini, Tuk Kaluk merupakan seorang yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan istana. Beliau dikatakan telah dianugerahi sebidang tanah oleh sultan di Kampung Kepala Bendang sebagai menghargai jasa dan kepandaianya membuat hasil kraftangan seperti pedang, parang, keris dan tembikar. Sejak daripada itulah Tuk Kaluk mula menyumbangkan kebolehannya membuat labu sayong kepada penduduk Kampung Kepala Bendang. Lama kelamaan penduduk di situ pandai membuat labu sayong dan mewarisi kepandaian tersebut hingga sekarang.

Sebenarnya tidak banyak sumber yang boleh didapati bagi menjelaskan tentang asal-usul dan sejarah penciptaan labu sayong. Dakwaan bahawa tembikar labu sayong diperkenalkan oleh ‘penghijrah’ dari Sumatera sejak zaman awal mungkin benar dan ini diakui sendiri oleh Wray dalam kajiannya pada tahun 1903 itu. Dari satu segi, walaupun diakui pihak yang mula mencipta tembikar di Perak adalah orang Melayu yang ‘berhijrah’ dari Sumatera, namun pada masa dahulu mereka juga sebenarnya bukanlah orang luar kerana pada ketika itu penduduk di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu berkongsi satu wilayah dan identiti bersifat serumpun dan sebangsa.

Menurut Wray, kemungkinan besar orang asli (Semang dan Sakai) yang telah tinggal di Tanah Melayu lebih awal dan dikenali sebagai orang darat juga merupakan sebahagian masyarakat Melayu yang sebangsa dengan ‘penghijrah’ dari Sumatera itu. Cuma mereka adalah golongan Melayu yang tidak dapat menerima perubahan dari luar dan masih mengekalkan budaya hidup primitif. Golongan ini, menurut Wray, tidak pula memiliki kesenian membuat tembikar tetapi hanya bergantung kepada

unsur-unsur yang lebih primitif seperti tulang-tulang dan pokok-pokok kayu serta buluh untuk menghasilkan barang kegunaan harian.

Satu lagi sumber awal sejarah Perak yang dapat memberikan serba sedikit maklumat tentang sejarah dan asal-usul tembikar di Perak ialah *Misa Melayu*. *Misa Melayu* yang mencatatkan tentang perkembangan sejarah Perak pada kurun ke-18 ada menyebut secara sepintas lalu bagaimana tembikar sudah pun digunakan sejak kurun ke-18 lagi oleh pihak istana dan para pembesar Melayu sebagai tempat untuk menyimpan air minum dan untuk bersiram. Misalnya ada diceritakan bahawa sewaktu Sultan Iskandar Zulkarnain mudik menghilir sungai dari istana Pulau Cempaka Sari ke Pulau Tiga Perak, baginda turut membawa peralatan tembikar yang digunakan sebagai bekas minuman dan untuk bersiram.

Walau apapun perbezaan pandangan yang wujud tentang asal-usulnya, seni membuat tembikar, jelasnya, adalah dicipta oleh orang Melayu tempatan dan di Perak ia hanya wujud di beberapa tempat yang tertentu sahaja. Mengikut kajian Wray, sehingga tahun 1903, perusahaan membuat tembikar di Perak didapati hanya wujud di empat lokasi atau daerah utama. Tiga daripadanya terletak di sepanjang pesisiran Sungai Perak. Pertamanya ialah di Lenggong iaitu di utara atau hulu Sg. Perak, kedua di Sayong, Kuala Kangsar dan ketiga di Pulau Tiga, hilir Sungai Perak.<sup>5</sup>

Daripada ketiga-tiga tempat ini, tembikar yang diperbuat di Pulau Tiga dipercayai adalah yang paling berkualiti, kemudian diikuti oleh tembikar dari Sayong dan yang paling kurang bermutu kualitinya adalah tembikar yang diperbuat di Lenggong (Wray 1903).<sup>6</sup> Bagaimanapun temubual penulis dengan Puan Maznah Sulaiman dan suaminya Encik Saparudin Mohd Noh, iaitu pengusaha tembikar tradisional di Kampung Kepala Bendang, Sayong, menjelaskan bahawa labu sayong dari daerah Sayong adalah yang dianggap paling berkualiti dan terbaik di seluruh Perak kerana tanahnya yang didakwa lebih baik dan berkualiti.<sup>7</sup>

Sememangnya kegiatan membuat tembikar amat dipengaruhi oleh kualiti tanah liat yang merupakan bahan utama pembuatan tembikar. Ini menjelaskan kenapa tidak semua tempat di negeri Perak boleh menghasilkan perusahaan pembuatan tembikar. Umumnya tanah liat yang lebih baik mutunya adalah yang terletak di bahagian yang lebih dekat dengan sungai. Oleh itu, tidak hairanlah lokasi utama perusahaan pembuatan tembikar umumnya terletak di sepanjang pesisiran Sungai Perak.

Menurut kajian oleh Chia Ming Soon (1995), kegiatan pembuatan tembikar di Malaysia sejak zaman awal lagi secara konsisten telah bergantung kepada tanah liat di kawasan setempat untuk penghasilan

tembikar. Bahkan kajian ilmiah yang dijalankan di seluruh dunia menunjukkan sebenarnya pembuat tembikar hanya bergantung kepada tanah liat yang berdekatan dan menjelajah tidak lebih daripada tujuh kilometer untuk mendapatkan sumber tersebut. Jadi secara umumnya sesuatu perusahaan tembikar adalah bersifat tempatan, diusahakan hanya oleh orang tempatan dan hanya berkembang di kawasan yang mempunyai tanah liat yang berkualiti sahaja (Chia Ming Soon 1995).

Kajian yang dibuat terhadap perusahaan membuat tembikar di Kampung Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar pada hari ini mendapati pembuat tembikar tradisional labu sayong di sana mendapatkan tanah liat daripada kawasan yang berdekatan dengan kampung mereka, iaitu sama ada di kawasan anak-anak dan tebing-tebing sungai, tanah padi atau changkat (bukit kecil atau pongsu) yang tidak berapa jauh dari sungai, iaitu lebih kurang 2-3 kilometer daripada kampung mereka.

Kajian oleh Wray menjelaskan bahawa sehingga tahun 1903, didapati hanya terdapat kira-kira 10 buah rumah yang telah mengusahakan pembuatan tembikar secara tradisional dengan menggunakan tangan di Sayong. Mereka yang mahir dalam seni kraftangan ini umumnya adalah terdiri daripada golongan wanita yang sudah pun berumur. Wray mendapati wanita muda Melayu di Perak sejak zaman dahulu lagi sememangnya kurang berminat untuk mempelajari atau mewarisi kesenian itu daripada orang tua mereka (Wray 1903). Oleh itu, kemahiran seni kraftangan membuat tembikar secara tradisional menggunakan tangan secara beransur-ansur telah mulai hilang pewarisan dan semakin pupus.

## PERKEMBANGAN PERUSAHAAN PEMBUATAN TEMBIKAR LABU SAYONG HARI INI

Jika tidak dibantu, kemungkinan perusahaan tembikar di Kuala Kangsar dan di tempat-tempat lain juga akan terhapus seperti yang berlaku terhadap perusahaan tembikar tradisional di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Namun dengan kesedaran awal di pihak kerajaan, usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah dijalankan bagi memastikan seni kraftangan ini terus dikekalkan. Kesannya, perusahaan membuat tembikar di Sayong, Kuala Kangsar hingga ke hari ini boleh dikatakan telah berkembang dengan amat pesat dan menguntungkan. Daripada ciptaan awalnya sebagai alatan untuk kegunaan sendiri, sekarang ia telah pun berkembang sebagai satu produk pengeluaran komersil yang menguntungkan dan menjadi sumber pendapatan lumayan.

Selain itu, persepsi masyarakat dan sambutan yang cukup baik telah diterima oleh para pengusaha terhadap produk labu sayong dari Kuala Kangsar. Menurut sumber dari PKKM, walaupun kini pasaran tembikar belum lagi sampai ke peringkat eskport ke luar negara, permintaan daripada pasaran tempatan adalah amat baik. Pengarah PKKM, mengatakan permintaan pasaran terhadap produk tembikar labu sayong Kuala Kangsar sentiasa tinggi. Bahkan ada pengusaha tembikar di sana yang benar-benar maju dan terpaksa menolak sebahagian daripada tempahan yang ingin dibuat oleh pelanggan. Pendek kata, perusahaan membuat tembikar labu sayong khususnya di Kuala Kangsar, boleh menjanjikan pendapatan lumayan.

Kajian lapangan yang dibuat oleh penulis mendapati perusahaan membuat labu sayong di Kuala Kangsar kini telah tumbuh dengan begitu meluas jauh mele过asi 10 buah lokasi perusahaan yang pernah direkodkan oleh Wray pada tahun 1903. Mengikut anggaran yang diberikan oleh pengarah PKKM, terdapat sekitar 100 buah rumah yang kini telah mengusahakan pembuatan tembikar labu sayong secara tradisional dan moden di Kuala Kangsar. Antara kampung yang masih aktif mengusahakan pembuatan tembikar ialah Kampung Kepala Bendang, Bukit Lada, Sayong Masjid, Sayong Ulu dan Kuala Sayong.

Sebahagian besar daripada kepesatan ini disebabkan oleh galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan sendiri. Selain usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Perak sendiri,<sup>8</sup> kerajaan pusat, khususnya melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, telah menunjukkan minat yang begitu mendalam untuk terus mengekalkan kesenian dan keaslian kraftangan tradisional tempatan di samping berusaha mendedahkan hasilan tembikar kepada peminat seni di seluruh Malaysia dan juga luar negara. Usaha-usaha ke arah mempromosi dan mempergiatkan lagi hasil kraftangan tembikar telah dijalankan oleh kerajaan sejak awal tahun 1970-an lagi.

Antara langkah yang diambil oleh pihak kerajaan ialah dengan mewujudkan beberapa agensi khusus untuk membantu mengembangkan industri kraftangan tembikar khususnya di Perak. Antaranya dengan menubuhkan dan memperbadankan PKKM cawangan Perak (yang ditubuhkan pada 1973 dengan nama awal Lembaga Kraftangan Malaysia Cawangan Perak) di Enggor, Kuala Kangsar. PKKM cawangan Perak memang berfungsi sebagai satu pusat pengembangan perusahaan tembikar yang utama di Malaysia.

Pihak Kraftangan Malaysia ditugaskan untuk memajukan, menggiat dan memulihkan kemahiran tradisional dan seterusnya mendidik tukang-

tukang kraf yang ada sekarang ke arah penggunaan cara-cara moden, pengeluaran, pengurusan dan pemasaran secara lebih sistematis (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005). Di Kuala Kangsar, peranan yang dimainkan PKKM cawangan Perak bukan sahaja membantu mempromosi dan memasarkan hasil tembikar penduduk tempatan, tetapi juga menyediakan kepakaran dan pusat latihan untuk memenuhi keperluan industri seramik dan menjamin pengekalan perusahaan tradisi dengan melatih golongan remaja yang meminati perusahaan tembikar secara tradisional mahupun moden. Malah PKKM mendapat peruntukan yang banyak bagi mencapai hasrat itu dan sehingga kini memiliki kemudahan infrastruktur yang begitu sempurna bagi membantu mengembangkan lagi kegiatan seni kraftangan, bukan sahaja labu sayong tetapi seni lain yang terdapat di Perak seperti seni sulaman membuat tekat benang emas, seni anyaman, seni membuat keris dan sebagainya.

Dari segi pembuatan labu sayong, kaedah moden menggunakan acuan dan mesin telah mula diperkenalkan sejak tahun 1975 oleh PKKM. Pada masa sekarang, PKKM juga telah membina kilang kemudahan guna mesin dan peralatan membuat tembikar. Penggunaan alatan moden melalui kaedah *casting* dan *throwing* dalam pembuatan tembikar bagi mempercepatkan proses pengeluaran telah membolehkan tembikar dihasilkan dengan lebih banyak dan dijual dengan harga yang lebih murah.<sup>9</sup>

Kecenderungan pada hari ini agak jelas memperlihatkan bahawa fungsi tembikar kini adalah lebih luas, khususnya digunakan sebagai barang seni dan perhiasan dengan pihak PKKM memberi galakan yang tinggi kepada pengusaha untuk mempelbagaikan corak dan bentuknya. Kegunaan asal tembikar labu sayong sebagai tempat menyimpan air sebenarnya juga telah lama hilang dan kini ia lebih berfungsi sebagai barang seni atau kraftangan yang dibeli untuk dipamerkan sahaja.

Dari segi kualiti, terdapat percanggahan pendapat antara pengusaha tembikar tradisional dengan PKKM. Pengusaha tradisional menjelaskan bahawa mereka kurang berminat untuk menukar kepada teknik pembuatan moden kerana pembuatan tembikar labu sayong secara tradisional didakwa lebih berkualiti, tiada campuran kimia, mampu menjadi penawar pelbagai penyakit serta lebih tahan lama sekiranya digunakan untuk menyimpan air panas. Pembuatan cara moden, menurut mereka, bukan sahaja kurang kualiti dan khasiatnya, tetapi juga lebih berisiko untuk mudah pecah.<sup>10</sup>

Namun pihak PKKM memberikan pendapat yang sebaliknya. Menurut Tuan Haji Mohd Yusof, pengarah PKKM sendiri, dari segi kualiti tembikar yang dihasilkan sama ada secara tradisional atau moden adalah lebih

kurang sama sahaja dan tidak jelas perbezaannya. Beliau mengakui kerana salah tanggapan itulah yang menyebabkan PKKM pada peringkat awalnya menghadapi masalah untuk membantu pihak pengusaha tembikar di Kuala Kangsar yang sukar untuk diubah daripada pengusaha tradisional kepada pengusaha tembikar menggunakan teknik moden. Walaupun pada peringkat awalnya pengenalan teknik pembuatan tembikar secara moden kurang mendapat sambutan pengusaha kerana diragui mampu menghasilkan produk tembikar yang berkualiti tinggi, namun menurut Tuan Haji Mohd Yusof, pada masa kini keraguan itu ternyata mulai hilang. Kini kebanyakan pengusaha mula meninggalkan teknik tradisional dan beralih sepenuhnya kepada penggunaan teknik moden pembuatan tembikar yang lebih cepat dan efektif. Bahkan sambutan terhadap tembikar yang dihasilkan secara moden adalah baik kerana ia dapat memenuhi permintaan tinggi daripada pelanggan.

Walau bagaimanapun, sambutan terhadap tembikar yang dihasilkan secara moden bukanlah bermakna labu sayong buatan tradisional kurang mendapat sambutan. Melalui pemerhatian penulis, sebenarnya para pembeli tembikar didapati lebih berminat mendapatkan labu sayong asli yang dibuat secara tradisional menggunakan tangan kerana dipercayai lebih bermutu dan berkhasiat dari segi kesihatan jika digunakan untuk menyimpan air. Namun, kebanyakan pembeli tidak didedahkan dengan maklumat yang jelas tentang wujudnya tembikar yang dibuat secara tradisional dan moden. Ini ditambah lagi dengan sikap pembeli itu sendiri yang hanya membeli tembikar dengan anggapan ia adalah tembikar buatan tradisional kerana mereka tidak begitu mengambil tahu tentang soal kualiti dan teknik pembuatannya. Umumnya pilihan utama para pembeli adalah terhadap produk tembikar yang cantik, tinggi kualiti tetapi lebih murah harganya.

Ini menyebabkan dalam persaingan pasaran, produk tembikar yang dihasilkan secara tradisional dan kurang diberikan perhatian oleh agensi-agensi terbabit gagal untuk bersaing kerana pasaran kini telah dipenuhi dengan tembikar teknik moden yang boleh dihasilkan secara pukal dan dengan lebih cepat.

## ANTARA WARISAN TRADISI DAN HASIL KOMERSIL

Beberapa persoalan telah timbul mengenai masa depan sebenar industri kraftangan tembikar tradisional dan juga persaingannya dengan tembikar moden. Menurut kajian, pandangan sepantas lalu tentang masa depan tembikar tradisional, khususnya di Sayong, Kuala Kangsar, tidak

memperlihatkan sesuatu yang memberansangkan. Pada zaman dahulu, permintaan untuk tembikar tradisional adalah sentiasa baik kerana ia merupakan alat kegunaan harian. Namun kini penggunaannya semakin terhad kerana fungsinya itu telah diambil alih oleh peralatan moden seperti peti sejuk, periuk nasi dan lain-lain. Nilai estetika tembikar tradisional juga dikatakan tidak dipandang tinggi oleh orang ramai menyebabkan permintaannya kecil dan tidak anjal (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005). Oleh itu kajian awal yang dibuat memperlihatkan seolah-olah perusahaan tembikar menghadapi zaman yang begitu malap di Perak.

Gambaran sebaliknya diberikan melalui tinjauan yang dibuat terhadap pengusaha tembikar dan pihak PKKM sendiri. Menurut mereka, sebenarnya kegiatan membuat tembikar adalah begitu pesat dan mendatangkan keuntungan yang tinggi kepada pengusahanya, terutamanya setelah PKKM cawangan Perak berjaya mendidik dan memberi galakan serta bantuan kepada pengusaha-pengusaha di Kuala Kangsar untuk memajukan industri tersebut.

Walaupun perusahaan membuat tembikar labu sayong di Kuala Kangsar, Perak kini telah berkembang dengan pesat dan menguntungkan, namun hakikatnya perusahaan labu sayong yang benar-benar dihasilkan secara tradisional dan asli semakin berkurangan dengan ketara jika dibandingkan dengan penemuan oleh Wray pada 1903. Jika kajian oleh Wray menunjukkan bahawa pada tahun 1903 masih terdapat 10 buah rumah atau keluarga yang mengusahakan pembuatan labu sayong secara tradisional menggunakan tangan; dan sehingga 1960-an dikatakan kebanyakan pembuatan tembikar masih lagi diusahakan secara tradisional; tetapi sejak pengenalan teknik pembuatan moden oleh PKKM pada 1970-an, hampir kesemua pengusaha tembikar kini telah pun bertukar kepada teknik pembuatan moden. Sebenarnya dari satu segi, dasar untuk mengekal dan mengembangkan industri kraftangan tembikar telah dapat dicapai. Namun proses memajukan dan memodenkan kegiatan membuat tembikar labu sayong di Kuala Kangsar ini bukan tiada kesan sampingannya.

Memanglah dari segi produk, tembikar labu sayong masih dianggap sebagai satu produk ‘tradisional’, tetapi dari segi seni dan proses penciptaannya secara keseluruhan kini bukanlah merupakan suatu bentuk kraftangan Melayu yang benar-benar tradisional dan asli yang dapat dibanggakan.<sup>11</sup> Pengukuran dapat dibuat kerana teknik moden menjadikan tembikar asli hanya dari segi tanah dan tampaknya, tetapi dari segi seni pembuatannya ia adalah sesuatu yang tidak lagi unik dan boleh didapatkan wujud atau dibuat di mana-mana sahaja kerana ia dibuat menggunakan acuan dan peralatan moden.

Walaupun di luar Sayong para pembeli masih lagi melihat labu sayong yang dihasilkan melalui teknik moden sebagai labu sayong tradisional, tetapi hakikatnya jika para pembeli, para penggiat seni luar dan para pelancong melihat sendiri cara pembuatan labu sayong kini, mereka akan mendapati tiada apa-apa keistimewaan lagi dalam kegiatan ‘seni kraftangan’ ini. Bahkan para pelancong yang pernah melawat ke tapak-tapak perusahaan membuat tembikar labu sayong di Kuala Kangsar juga diakui sendiri oleh pihak PKKM tidak lagi merasa tertarik bahkan merasa tertipu dengan cara penghasilannya yang moden itu. Ini kerana mereka lebih berminat untuk melihat cara pembuatan labu sayong secara tradisional menggunakan tangan, seperti yang sering digambarkan dalam risalah-risalah pelancongan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri Perak atau agensi pelancongan.

Perlulah diakui bahawa segala kemudahan, galakan dan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan agensi-agensinya dalam membantu mengembangkan industri pembuatan tembikar labu sayong dengan memperkenalkan kaedah pembuatan atau teknik moden adalah satu usaha yang sangat murni dan perlu dipuji. Tetapi ia perlulah diimbangi agar tidak menjelaskan terus keaslian warisan kraftangan tradisional tersebut.

Buat masa sekarang, dasar pemodenan dan pengkomersilan perusahaan membuat labu sayong secara besar-besaran telah dan hampir menghapuskan sama sekali pembuatan tembikar labu sayong secara tradisional menggunakan tangan yang merupakan warisan sebenar kebanggaan rakyat Malaysia. Kemahiran seni kraftangan membuat tembikar labu sayong yang asli itu, jika terhapus, amatlah sukar untuk dicari ganti. Kes terhapusnya warisan pembuatan tembikar di beberapa tempat di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang<sup>12</sup> sebelum ini patut menjadi iktibar oleh semua pihak untuk mengelakkan kegiatan kraftangan membuat tembikar di Kuala Kangsar juga turut mengalami nasib yang sama, tetapi kali ini dalam bentuk yang lain iaitu ditelan oleh proses pemodenan dan pengkomersilan.

Setakat kajian ini dijalankan, perusahaan secara tradisional, yakni yang benar-benar tradisional iaitu yang dihasilkan dengan kaedah picit dan cubit atau picit dan lilit menggunakan tangan, dan yang telah diwarisi sejak turun temurun dalam kalangan orang Melayu, hanya wujud di sebuah rumah sahaja dan diusahakan oleh sebuah keluarga sahaja. Ia masih terdapat di Kampung Kepala Bendang, Sayong yang kini diusahakan oleh Encik Saparudin dan Pn Maznah. (Ini disahkan oleh pengarah PKKM sendiri).<sup>13</sup>

Melalui temubual yang dibuat, Encik Saparudin dan Puan Maznah menyatakan bahawa kemahiran mereka membuat labu sayong adalah diwarisi secara turun temurun daripada keluarga. Puan Maznah mengistilahkan kemahiran membuat labu sayong ini sebagai “main tanah.” Dalam tempoh sebulan Puan Maznah yang dibantu oleh suaminya Encik Saparudin mampu menghasilkan sekitar 80-90 biji labu sayong menggunakan kaedah tradisional. Puan Maznah mengatakan bahawa beliau tidak mendapat apa-apa peruntukan daripada kerajaan dan hanya menggunakan modal sendiri untuk memajukan perusahaan labu sayong tradisionalnya.<sup>14</sup>

Sehingga kini hanya tinggal keluarga ini satu-satunya pengusaha tembikar labu sayong tradisional yang masih bertahan. Itupun jika dilihat kepada usia mereka dan tidak adanya pewaris muda (khususnya golongan wanita) yang boleh meneruskan usaha-usaha tersebut, berkemungkinan besar kegiatan menghasilkan kraftangan tembikar tradisional ini akan terhapus selama-lamanya dan hanya tinggal sejarah bagi orang Melayu bukan sahaja di Perak bahkan di Malaysia.

## MASALAH DAN CABARAN

Perusahaan tembikar secara tradisional menghadapi halangan untuk terus maju dan kekal dalam persaingan kerana beberapa faktor. Antaranya ialah kekurangan modal, latihan, promosi dan juga perhatian yang kurang diberikan terhadap mereka berbanding terhadap pengusaha-pengusaha yang sudah berubah kepada penggunaan teknik pengeluaran secara moden. Pembuatan tembikar secara tradisional sampai sekarang masih dilihat secara negatif sebagai perusahaan yang susah berubah, kurang produktif, sukar dan tidak berbaloi untuk dimajukan kerana tidak memberi keuntungan lumayan.

Gambaran semasa yang diberikan terhadap pengusaha-pengusaha tembikar tradisional ini adalah lebih cenderung untuk mempersalahkan sikap mereka yang tidak mahu berubah sebagai punca utama kepada kemelesetan atau terhakisnya perusahaan pembuatan tembikar secara tradisional. Bagi pihak PKKM dan agensi-agensi kerajaan yang lain, mereka menganggap kegiatan membuat tembikar tradisional sebagai tidak menguntungkan, tidak mampu berkembang, dan tidak boleh diharapkan untuk memperbaiki nasib masa depan pengusaha mahupun industri pembuatan tembikar di Perak. Oleh itu, perhatian utama yang diberikan ialah ke arah membantu industri tembikar serta pengusaha-pengusaha

yang sedia berubah dan bersedia menukar kepada teknik pembuatan moden yang lebih produktif dan menguntungkan.

Antara kekangan yang dihadapi oleh pengusaha tembikar tradisional ialah proses pengeluarannya yang dikatakan susah dan memakan masa serta tidak tetap bergantung kepada keadaan masa, musim, cuaca, kesihatan tukang dan sebagainya. Menurut pihak PKKM, pengeluaran tembikar secara tradisional kurang produktif dan menguntungkan kerana ia hanya boleh dibuat secara kecil-kecilan sahaja.

Kajian oleh Asyaari Muhamad menjelaskan bahawa jika dibandingkan dengan teknik moden, penghasilan secara tradisional menggunakan tangan adalah amat lambat dan memakan masa. Contohnya untuk menghasilkan sebuah tembikar dengan menggunakan teknik memicit dan memproses secara tradisional dikatakan mengambil masa selama empat hingga lima hari, sebaliknya dengan menggunakan kaedah moden seperti menggunakan acuan dan mesin *throwing* mengambil masa selama beberapa jam sahaja untuk menyiapkannya (Asyaari Muhamad 1998: 69). Namun begitu, dapatan tembual penulis dengan Puan Maznah mengatakan beliau mampu menghasilkan 80-90 tembikar sehari menggunakan kaedah tradisional adalah sesuatu yang memberansangkan dan memperlihatkan dari segi pengeluaran, pembuatan secara tradisional juga mampu untuk mengeluarkan hasil yang cukup tinggi.

Kekangan seterusnya ialah dari segi rekaan dan rekabentuk tembikar yang kini menampakkan perbezaan jelas antara yang dibuat secara tradisional dan moden. Teknik moden dikatakan lebih berjaya jika dibandingkan dengan tradisional dari segi rekabentuk dan kreativitinya kerana ia menampilkan ciri-ciri serta fungsi baru sesuai dengan kehendak masyarakat moden pada hari ini. Pada masa kini, tembikar moden yang dihasilkan bukan lagi berfungsi sebagai alat menyimpan air, tetapi telah dijadikan sebagai barang pameran, pasu bunga dan lampu dengan pelbagai ragam dan bentuknya. Pendek kata, pembuatan secara moden lebih fleksibel dan mampu disesuaikan dengan citarasa masyarakat masa kini. Kecenderungan untuk mencipta pelbagai jenis corak, bentuk dan kegunaan labu sayong telah menjadikan kegunaan asalnya sebagai alat menyimpan air tidak lagi penting dan ini secara tidak langsung menjadikan kegiatan pembuatan labu sayong secara tradisional tidak begitu berdaya saing lagi.

Sememangnya jika bersaing dengan pembuatan cara moden, perusahaan tembikar secara tradisional akan gagal kerana tembikar tradisional tidak begitu fleksibel dari segi bentuk, corak dan fungsinya. Sehingga kini ia masih kekal kepada bentuk dan corak asalnya yang begitu

sederhana, bahkan fungsinya masih lagi kekal sebagai alat menyimpan air. Walaupun diakui permintaan terhadap tembikar tradisional tetap ada kerana peminat setianya masih ada, namun jumlah mereka terlalu kecil dan dengan itu kuantiti permintaan tembikar tradisional adalah sedikit berbanding dengan produk tembikar moden. Kebanyakan pembeli tembikar tradisional sekarang juga membelinya bukan lagi kerana fungsinya tetapi kerana nilai intrinsik yang ada pada tembikar tersebut (Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf 2005).

Jadi dalam konteks ini perusahaan tembikar tradisional tidak akan mampu menghadapi persaingan daripada industri tembikar moden yang lebih mudah diselaraskan dengan kehendak pembeli dari segi fungsi, corak dan rekabentuknya. Ini ditambah lagi dengan sikap pembeli yang tidak begitu menghargai tembikar tradisional kerana tidak mampu membezakannya dengan yang moden. Mereka umumnya lebih tertarik dengan tembikar moden yang pelbagai bentuk, fungsi, lebih kreatif dan menarik jika dibandingkan dengan tembikar tradisional, selain harganya yang lebih murah dan lebih senang didapatkan.

Dalam konteks ini mahu tidak mahu perusahaan tembikar tradisional di Kuala Kangsar Perak memerlukan bantuan dan galakan sepenuhnya daripada pihak kerajaan pusat atau negeri. Dasar kerajaan untuk mengekalkan dan memajukan warisan kraftangan tradisional Melayu yang lebih tepat ialah dengan memberi perhatian yang lebih jelas dan khusus kepada usaha memelihara dan mengekalkan bahkan mengembangkan lagi perusahaan tembikar secara tradisional kerana itulah sebenarnya kemahiran serta warisan seni kraftangan sebenar orang Melayu yang perlu dijaga dan dipertahankan. Pembuatan secara moden tidak begitu boleh dibanggakan kerana ia tidak mempunyai nilai kesenian yang tinggi dan pembuatnya pula tidak memerlukan kemahiran untuk menghasilkannya, sebaliknya hanya bergantung kepada mesin-mesin dan peralatan moden. Pendek kata, dasar-dasar kerajaan untuk mengekalkan dan memajukan kraftangan membuat tembikar perlulah diseimbangkan antara keinginan untuk menjadikannya sebagai hasil komersil dan hasrat untuk terus menjamin pengekalan warisan sejarah ini. Jika tidak, ia mungkin akan terhapus selama-lamanya.

## **USAHA MENGUKUHKAN SEMULA PERUSAHAAN TEMBIKAR TRADISIONAL**

Sebenarnya jika diukur, pembuatan tembikar secara tradisional masih boleh dibangunkan dan memberi pulangan yang lumayan jika diberi

galakan, promosi dan bantuan yang lebih baik. Pembuatan tembikar secara tradisional juga boleh dimodenkan tetapi tidaklah sampai ke tahap menghapuskan sama sekali identiti dan keistimewaan yang asal.

Namun sehingga kajian ini dibuat, usaha-usaha untuk menggalakkan pembuatan tembikar secara tradisional boleh dikatakan hampir tidak ada. Sebaliknya pengusaha-pengusaha tembikar di Kuala Kangsar hanya diberi galakan agar terus berubah kepada teknik penghasilan moden sepenuhnya. Dalam hal ini, pihak kerajaan melalui agensi-agensinya seharusnya memberikan bantuan sepenuhnya sama ada dalam bentuk kewangan, promosi, latihan dan pasaran agar ia dapat menonjolkan diri dan masyarakat tempatan serta luar akan lebih mengenali dan menghargainya.

Bantuan khusus seperti insentif kewangan dan modal juga perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha tembikar tradisional untuk membolehkan mereka terus kekal bersaing dan memajukan diri seiring dengan perusahaan tembikar moden. Bahkan dalam usaha untuk memberi galakan, pihak atau agensi tertentu khususnya PKKM boleh terus membeli produk tembikar daripada pengusaha tradisional dan menjualnya dalam pasaran tempatan mahupun mengeksportnya ke luar sebagai produk seni Malaysia yang boleh dibanggakan.

Pada masa kini memang pihak kerajaan melalui PKKM telah mengadakan insentif tertentu kepada Puan Maznah sebagai satu-satunya pengusaha tembikar tradisional di Kuala Kangsar seperti mengiktirafnya sebagai tokoh kraf dan memberikannya elau bulanan. Namun usaha bantuan dan galakan ini tidak cukup hanya kepada sebuah keluarga sahaja. Usaha-usaha bantuan dan galakan juga patut diperluaskan kepada para pengusaha lain agar dapat menambah dan memperbanyak lagi perusahaan membuat tembikar secara tradisional di Kuala Kangsar.

Selain itu, pihak PKKM juga perlu menggunakan segala kemudahan yang ada di premisnya untuk menyediakan latihan kemahiran kepada golongan belia agar mereka mendapat kemahiran sepenuhnya dalam pembuatan tembikar sama ada secara moden atau khususnya, dan yang lebih penting lagi, secara tradisional. Ini kerana seni atau kemahiran pembuatan tembikar secara tradisional jauh lebih sukar diperolehi atau dikuasai berbanding teknik moden yang tidak memerlukan sebarang kemahiran tinggi. Ini dapat memastikan supaya mereka menjadi pewaris-pewaris kraftangan tembikar tradisional pada masa depan dan memastikan perusahaan tembikar tradisional tidak akan terhapus begitu sahaja.

Bagi penulis, memanglah pembuatan tembikar secara moden lebih senang, produktif, menarik dan menguntungkan, tetapi hasil seninya tidaklah seindah dan seistimewa hasil pembuatan tembikar tradisional

dengan menggunakan tangan. Penulis berharap tembikar labu sayong yang diperbuat yang at daripada tangan terus dikekalkan walaupun kuantiti yang dihasilkan adalah sedikit agar warisan sejarah, kesenian dan keindahan tembikar tersebut tetap terpelihara dan menjadi warisan kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

## RUMUSAN

Sebagai rumusan, sejarah asal-usul dan perkembangan kegiatan membuat tembikar labu sayong yang begitu unik dan istimewa haruslah menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada orang Melayu bahkan rakyat Malaysia keseluruhannya. Kraftangan membuat tembikar tradisional adalah salah satu warisan seni dan sejarah Malaysia yang harus dipertahankan, bukan hanya dilihat dan dipentingkan dari aspek komersilnya sahaja.

Dasar memajukan dan memodenkan kegiatan kraftangan membuat tembikar yang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini adalah amat baik, tetapi dibimbangi tanpa langkah-langkah yang sebetulnya diambil, ia hanya akan mempercepatkan lagi proses penghapusan warisan negara yang begitu bernilai dan telah dipertahankan kewujudannya sejak zaman berzaman. Jika pihak kerajaan telah berusaha bertungkus lumus untuk mengembang dan memajukan perusahaan membuat tembikar secara moden, langkah yang sama juga perlulah diambil untuk mengekalkan dan meneruskan kesinambungan warisan sejarah ini agar tidak luput ditelan zaman dan arus pemodenan.

## NOTA

---

<sup>1</sup> Kesenian menurut Asyaari Muhamad (1998) mempunyai erti yang amat luas tetapi secara umumnya ia membawa maksud sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai-nilai estetika dalam komposisi, ekspresi dan hiasan yang dominan dan dalam hal-hal yang tertentu mengambil kira aspek utiliti. Tembikar boleh dimasukkan sebagai salah satu daripada hasil kesenian selain beberapa seni ciptaan lain seperti seni khat, seni ukir, seni bina, seni lukis, seni tari, seni lakon, seni muzik dan seni mempertahankan diri yang masing-masing memerlukan kemahiran, kreativiti, kepakaran, daya pemikiran dan pengetahuan berhubung dengan alam dan kehidupan. Lihat Nik Hassan Shuhaimi et al. 1990: 1.

<sup>2</sup> Ia dijangka kira-kira 2000 hingga 1500 tahun SM dahulu. Bagaimanapun sebelum itu orang Melayu awal telahpun mencipta alatan asas yang lain seperti senjata untuk memburu, kemudiannya berkembang dengan alat-alat perlindungan seperti rumah, pakaian, alatan memasak (periuk belanga daripada tanah) dan perahu untuk mencari

makanan. Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf dalam bukunya Tembikar Tradisional (2005) menyatakan, “Imbasan kembali mencatatkan bahawa Malaysia mempunyai sejarah tembikarnya yang tersendiri sejak 3500 tahun dahulu lagi. Penemuan di Gua Niah (Sarawak), Gua Cha (Kelantan), Gua Bukit Tengku Lembu (Perlis) sekarang dikenali dengan nama kampong Bukit Merah, Beseri dan beberapa tempat lain adalah atas bukti penempatan dan pendudukan manusia. Lihat Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf (2005), hlm. 10.

- <sup>3</sup> Menurut kajian oleh Siti Zainon, Leonard Wray telah mulakan carigali tapak arkeologi sejak tahun 1880 lagi dan menemui beberapa pecahan tembikar yang kasar teknik pembuatannya di Gunung Ceruh. Carigali ini diteruskan oleh I. N. H. Evans dalam tahun 1917. Evans membuat kajiselidik di Batu Kurau Perak dan Kota Tongkat di Pahang. Kemudiannya pada tahun 1935, H. D. Noone pula membuat carigali di Gua Cha Kelantan dan menemui beberapa bentuk tembikar yang agak sempurna. Kerja kajiselidik ini diteruskan oleh beberapa orang sarjana luar termasuklah G. de Sieveking yang membuat carigali di Bukit Tengku Lembu, Perlis pada 1951.
- <sup>4</sup> Di China semasa zaman dinasti Shang (1500-1027 SM), pakar-pakar tembikar China telah pun memperkenal dan menggunakan peralatan mesin lempar alin (potter's wheel). Pada tahun 618-907 masih iaitu semasa zaman pemerintahan dinasti Tang pula telah diperkenalkan tembikar dengan campuran porselin, manakala semasa pemerintahan Dinasti Song (960-1279 M), China memecahkan kebuntuan dunia seni tembikar apabila memperkenalkan tembikar bergerlis dalam pelbagai rupa bentuk yang mengagumkan. Pada masa itulah tembikar China mula dieksport ke negara-negara lain, khususnya ke Asia Tenggara melalui kegiatan perdagangan sejak 1200 masihi. Lihat Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf (2005), hlm. 9.
- <sup>5</sup> Lokasi pembuatan tembikar yang keempat ialah di Bukit Gantang dekat Larut, yang dikendalikan oleh orang Melayu juga yang juga dikatakan datang dari daerah Sayong dan menetap di situ selama dua generasi. Lihat Wray (1903), hlm. 25.
- <sup>6</sup> Hasil usaha dari Pulau Tiga dan Sayong dikatakan yang terbaik dihasilkan di negeri tersebut. Pelbagai bentuk labu dan geluk yang mempunyai pelbagai ragam hias telah dihasilkan. Labu dan geluk Pulau Tiga, majoritinya berwarna merah dan mempunyai ragam hias timbul. Sayong pula dikenali dengan tembikar berwarna hitamnya dan dihiasi dengan cara tekanan (pressing) dan calaran geometrik yang harmoni. Lihat Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf (2005), hlm. 13.
- <sup>7</sup> Temubual dengan Puan Maznah Sulaiman di Kampung Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar Perak.
- <sup>8</sup> Usaha-usaha telah dilakukan oleh kerajaan negeri Perak yang telah menuahkan koperasi pembuatan tembikar di Kampung Bendang. Koperasi ini bertanggungjawab dalam usaha memasarkan hasil kraftangan penduduk Kampung Kepala bendang keluar dari Kuala Kangsar. Lihat Mohamad Nazri Ahmad (2000).
- <sup>9</sup> Temubual dengan Encik Mohd Yusof, pengarah PKKM. Antara perubahan akibat daripada penggunaan peralatan dan teknik moden dalam pembuatan tembikar ialah seperti mesin belanja (uli) yang menggunakan elektrik, penggunaan bahan kimia seperti sodium untuk memastikan tanah liat cair yang dimasukkan ke dalam acuan tidak melekat, acuan untuk membentuk tembikar, mesin throwing iaitu sebuah mesin yang boleh berpusing atau berputar, tempat pembakaran yang menggunakan kuasa elektrik atau gas dan sebagainya. Bolehlah dikatakan berdasarkan proses ini dari awal dan akhir pembuatan tembikar telah dimodenkan sepenuhnya dan tidak lagi

melibatkan sebarang hasil seni atau kraftangan yang jelas. Tiada lagi proses penggulian dan pembuatan dengan menggunakan tangan dilakukan, sebaliknya semuanya bergantung kepada teknik moden yang lebih senang dan tidak memerlukan kemahiran tangan untuk membuatnya.

- <sup>10</sup> Temubual dengan Puan Maznah Sulaiman di Kampung Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar Perak.
- <sup>11</sup> Perbezaan antara hasilan tembikar secara tradisional dengan moden adalah sangat ketara, dari peringkat awal hingga ke akhir proses penghasilan produk tersebut. Tentang hal ini lihat beberapa kajian misalnya oleh Siti Zainon Ismail (1986) dan Mohamad Nazri Ahmad (2000).
- <sup>12</sup> Negeri-negeri yang mempelopori pembuatan tembikar selain Perak ialah Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Pernah juga terdapat kegiatan serupa wujud di Kampung Kechor (Perlis), Sungai Dua (Seberang Perai) dan Alor Merah (Kedah), namun kegiatan tersebut telah pupus. Proses pembuatan tembikar menonjolkan ciri-ciri yang unik dan tersendiri di Perlis berbanding di negeri lain. Pembuat tembikar tradisional di Perlis telah meninggal dunia pada tahun 1995 dan amat malang sekali, beliau tidak ada pengantinnya. Lihat Ibrahim Darus dan Sahaimi Abd Manaf (2005), hlm. 13-15.
- <sup>13</sup> Hakikat ini bertentangan dengan pandangan Ahmad Anuar dalam syarahan profesornya pada tahun 2009 yang mengatakan semasa kajian beliau dilakukan [antara 2007-09], masih terdapat banyak bentuk labu sayong yang dihasilkan menggunakan teknik picit lilit secara tradisional di Sayong. Lihat Ahmad Fauzi (2009), hlm. 11.
- <sup>14</sup> Bagaimanapun temubual dengan pengarah PKKM Tuan Haji Yusof Muri mengatakan bahawa mereka telah melantiknya sebagai tokoh kraf dan memberikan eluan sebanyak RM500 sebulan sebagai usaha menghidupkan kraftangan tembikar tradisional di situ supaya ia tak pupus.

## RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Mohd Noor. 2009. *Labu hitam Sayong dan seramik maju: Pemangkin kelestarian kehidupan masyarakat*. Siri Syarahan Umum. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Asyrafi Muhamad. 1998. Sejarah seni tembikar di Perak. Tesis Sarjana Persuratan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Callenfels, P., van Stein, V. & Evans, I.H.N. 1982. Report on cave excavation in Perak. *FMJ 22* (6): 150-178.
- Chia Ming Soon, S. 1995. Indigenous prehistoric pottery and technology in Peninsular Malaysia. *Malaysian Museums Journal*: 155-183.
- Evans, I.H.N. 1923. *Malay arts and crafts*. Singapore: Frazer and Neave.
- Ibrahim Darus & Sahaimi Abd Manaf. 2005. *Tembikar tradisional*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Mohamad Nazri Ahmad. 2000. *Tembikar dan tengkolok*. Klang: Pustaka Mawar.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1990. Arkeologi dan masyarakat prasejarah, protosejarah dan sejarah di Asia Tenggara. *Penyelidikan Dua Dekad Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nik Hassan Shuhaimi, Othman Yatim, Siti Zainon Ismail & Lokman Mohd Zen. 1990. *Kesenian Islam di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peacock, B.A.V. 1959. A short description of Malayan prehistoric pottery. *Asian Perspectives* 3(5): 121-156.
- Sieveking, G.deG. 1955. Recent archaeological discoveries in Malaya. *JMBRAS* 29(1): 200-211.
- Shamsu Mohamad. 2005. The Malay pottery in Malaysia. Asia Ceramics Network Conference. Seoul, South Korea. 12-18 January.
- Siti Zainon Ismail. 1986. *Rekabentuk krafangan Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wray, L. 1903. The Malayan pottery of Perak. *The Journal of the Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 33: 24-35.
- Winstedt, R.O. 1925. Malay industries: Arts and crafts. *Papers on Malay subject*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.
- Zuraina Majid. 1990. *Prasejarah Malaysia: Sudahkah zaman gelap menjadi cerah?* Siri Syarahan Umum. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

*Azmi Arifin, Ph.D.*

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: [azmiarifin@usm.my](mailto:azmiarifin@usm.my)*

*Muhamad Luthfi Abdul Rahman, Ph.D.*

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: [luthfi@usm.my](mailto:luthfi@usm.my)*

*Tarmiji Masron, Ph.D.*

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: [mmjji@usm.my](mailto:mmjji@usm.my)*